

PANDUAN PERMOHONAN PENGECAULIAN PENDAFTARAN JURUANALISIS MAKANAN DI BAWAH AKTA JURUANALISIS MAKANAN 2011

1. PENGENALAN

Akta Juruanalisis Makanan 2011 telah memperuntukkan bahawa hanya juruanalisis makanan berdaftar dan mempunyai perakuan amalan tahunan yang sah sahaja boleh mengeluarkan atau memperakukan secara bertulis sebarang keputusan analisis makanan. Namun demikian, berdasarkan seksyen 46 Akta, Menteri Kesihatan boleh mengecaulikan mana-mana individu melalui perintah dalam Warta daripada kesemua atau mana-mana peruntukan Akta dan peraturan-peraturan di bawahnya tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan.

2. OBJEKTIF

Garis panduan ini disediakan untuk menjelaskan prosedur permohonan pengecaulian pendaftaran juruanalisis makanan bagi juruanalisis makanan di sektor awam dan swasta yang layak memohon.

3. SINGKATAN

Majlis	-	Majlis Juruanalisis Makanan Malaysia yang ditubuhkan di bawah Seksyen 4 Akta Juruanalisis Makanan 2011
Jawatankuasa	-	Jawatankuasa Penilaian dan Proses Pendaftaran Juruanalisis Makanan yang ditubuhkan di bawah Majlis Juruanalisis Makanan Malaysia
Menteri	-	Menteri Kesihatan Malaysia

4. SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

Pengecaulian boleh diberikan kepada juruanalisis makanan yang memenuhi syarat-syarat berikut:

- 4.1 Menjalankan kerja-kerja penyelidikan dan pembangunan di institut penyelidikan atau institusi pendidikan tinggi atau industri mengenai analisis makanan bagi kegunaannya sendiri; atau

- 4.2 Menjalankan kawalan kualiti dalaman atau jaminan kualiti di institut penyelidikan atau institusi pendidikan tinggi atau industri mengenai analisis makanan bagi kegunaannya sendiri.

5. PROSEDUR PERMOHONAN DAN KELULUSAN

5.1 Cara Memohon

- a) Permohonan hendaklah dibuat dengan menggunakan Borang N: Borang Permohonan Bagi Pengecualian Pendaftaran Juruanalisis Makanan.
- b) Setiap permohonan perlu disertakan dengan perkara-perkara berikut:
 - i) Salinan perakuan kelayakan akademik
 - ii) Keterangan tugas yang disahkan oleh majikan atau penyelia
 - iii) Carta organisasi institut penyelidikan, institusi pendidikan tinggi atau industri berkaitan analisis makanan dan kedudukan pemohon
 - iv) Salinan kad pengenalan/pasport
 - v) Dua keping gambar ukuran pasport
- c) Borang permohonan yang lengkap hendaklah dikemukakan kepada:

Setiausaha

Majlis Juruanalisis Makanan Malaysia
Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan
Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 4, Menara Prisma
Presint 3
62675 Putrajaya

- d) Borang permohonan boleh didapati secara percuma melalui Sistem Maklumat Pendaftaran Juruanalisis Makanan (FARIS) di faris.moh.gov.my.

5.2 Semakan Permohonan

- a) Permohonan yang diterima akan direkodkan dan disemak.

- b) Dokumen yang tidak lengkap akan dikembalikan kepada pemohon.

5.3 Penilaian Permohonan

- a) Permohonan yang lengkap akan dinilai oleh Jawatankuasa dan penilaian di lapangan akan dijalankan untuk tujuan pengesahan sebelum Jawatankuasa mengesyorkan kepada Majlis.
- b) Majlis akan mengemukakan cadangan kepada YB Menteri untuk pertimbangan.

5.4 Kelulusan dan Pewartaan

- a) Permohonan pengecualian yang diluluskan oleh YB Menteri akan diproses untuk pewartaan.
- b) Pengecualian yang diluluskan oleh YB Menteri akan disiarkan dalam Warta.
- c) Pemohon akan diberitahu secara bertulis mengenai kelulusan.


6. PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan sila hubungi Cik Irma binti Mohamad Samsi di talian 03-88850797 sambungan 4229 / emel irma@moh.gov.my atau Pn. Hadidawati bt. Mahadi di talian 03-88850797 sambungan 4237 / emel hadidawati@moh.gov.my .

7. RUJUKAN

- a. Akta Juruanalisis Makanan 2011
- b. Peraturan- Peraturan Juruanalisis Makanan 2013

CARTA ALIR
PROSEDUR PERMOHONAN PENGECUALIAN PENDAFTARAN JURUANALISIS MAKANAN



BORANG N

AKTA JURUANALISIS MAKANAN 2011
PERATURAN-PERATURAN JURUANALISIS MAKANAN 2013

PERMOHONAN BAGI PENGECUALIAN PENDAFTARAN JURUANALISIS MAKANAN

1. Nama penuh pemohon:
2. No. kad pengenalan/pasport:
3. (a) Alamat kediaman:
.....
- (b) Alamat tempat bertugas:
.....
- (c) No. telefon pejabat: No. faks :
- (d) E-mel : No. telefon bimbit:
4. Jawatan :
5. Butir-butir kelayakan:

Bil.	Tahun	Nama Kelayakan	Institusi

6. Bidang kerja: sila tandakan (✓) mana yang berkenaan
 - Menjalankan kerja-kerja penyelidikan dan pembangunan mengenai analisis makanan bagi kegunaan sendiri
 - Menjalankan kerja-kerja kawalan kualiti dalaman dan jaminan kualiti mengenai analisis makanan bagi kegunaan sendiri
7. Saya lampirkan dokumen berikut sebagai bukti telah memenuhi keperluan di bawah subseksyen 46 (1)(a) atau (b) Akta Juruanalisis Makanan 2011
 - a) Salinan perakuan kelayakan akademik
 - b) Keterangan tugas yang disahkan oleh majikan atau penyelia
 - c) Carta organisasi agensi/syarikat dan kedudukan pemohon
 - d) Salinan kad pengenalan
 - e) Dua keping gambar ukuran pasport

PENGISYTIHARAN

Saya (nama penuh).....
nama pemohon di atas, dengan ini mengisyiharkan bahawa butir-butir yang dinyatakan dalam permohonan ini adalah benar dan dokumen yang dilampirkan adalah salinan yang diperakui sah.

Tarikh
Tandatangan Pemohon

PENGESAHAN OLEH MAJIKAN

Saya (nama penuh) no. kad pengenalan/pasport
..... dan bertugas sebagai
di (tempat bertugas)

.....
dengan ini mengesahkan bahawa (nama pemohon).....
..... adalah bertugas di (tempat bertugas)
..... dan memenuhi syarat pengecualian sebagaimana termaktub di bawah seksyen 46(1) Akta Juruanalisis Makanan 2011. Saya juga mengesahkan bahawa butir-butir yang dinyatakan oleh beliau adalah benar dan dokumen yang dilampirkan adalah salinan yang diperakui sah.

Tarikh
Tandatangan

Cop rasmi :

CATATAN:

Permohonan ini hendaklah dialamatkan dan dikemukakan kepada—

Setiausaha
Majlis Juruanalisis Makanan Malaysia
Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan
Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 4, Menara Prisma
Presint 3
62675 Putrajaya

PERMOHONAN PENGECAULIAN PENDAFTARAN JURUANALISIS MAKANAN

KETERANGAN TUGAS

Nama pemohon :

**Institut penyelidikan /institusi pendidikan tinggi/
industri:.....**

Keterangan tugas dan justifikasi :

(Sila senaraikan setiap tugas yang dijalankan oleh pemohon beserta justifikasi yang merujuk kepada kepatuhan terhadap syarat-syarat pengecualian)

Disahkan oleh :

(Hendaklah disahkan oleh majikan/penyelia)

Tandatangan :
Nama :
Jawatan :
Nama syarikat :
Tarikh :

Cop Rasmi :